



YAYASAN ISLAM KELANTAN

PEKELILING YAYASAN ISLAM KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 2019

PELAKSANAAN KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA DI KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI.

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Yayasan Islam Kelantan Bilangan 2 Tahun 2019 telah bersetuju menerima pakai Surat Pekeliling Am (Persekutuan) Bilangan 2 Tahun 2019 di Yayasan Islam Kelantan.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Surat Pekeliling Am (Persekutuan) Bilangan 2 Tahun 2019 untuk panduan dan tindakan.

(HAJI TENGGU AB RAHMAN BIN TUAN YUNUS)

Pengarah

Yayasan Islam Kelantan

No.Fail:YIK100/1/1-10/2(15)

Pejabat Yayasan Islam Kelantan

Peti Surat 248,15730, Kota Bharu, Kelantan.

Tarikh: 16 Muharram 1441H

23hb. September 2019

Kepada :

Pengetua /Syeikh /Guru Besar

Kolej /Maahad/Pusat Pengajian Pondok

Tadika Tengku Anis

Yayasan Islam Kelantan

Salinan Kepada:


Timbalan Pengarah (Pengurusan)

Timbalan Pengarah (Sekolah)

Timbalan Pengarah (Akademik)

Timbalan Pengarah (Kenaziran)

Semua Penolong Pengarah



Kepada : **PRO**

Daripada : Pengarah

☒ Utk. tindekan ☐ Utk. pembetulan

☐ Utk. diluluskan ☐ Utk. perhatian

☐ Utk. tandatangan ☐ Utk. disealakan

☐ Utk. dibincang ☐ Utk. diserahkan fail

☐

SEPERTI SENARAI ED/

Tarikh: **28/6** Tandatangan: **mlc**

YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan,

Buku dan Kami : KWP.600-13/2/2 Jld.8 (28)
Tgl. : 17 Jun 2019

Pengarah BK
Edaran Upd. sesuai
Pengarah Negeri (Bak/
Perj. Pengarah utli
di adakan. te.

Wff.

**PELAKSANAAN KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK
SEKALI GUNA DI KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN NEGERI**

DATO' TP: HJH, ROKIBAH BINTI ABDUL LATIF
 Ketua Pengarah
 PLANMalaysia
 (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)

Saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas dan juga Surat Pekeliling Am Bil. 2/2019 bertarikh 19 Mac 2019 mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana kita semua sedia maklum Kerajaan amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna yang memberi kesan kepada alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negara. Jemaah Menteri telah meluluskan *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030* yang menggariskan dasar yang seragam ke arah menggunakan plastik sekali guna di Malaysia. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya, Kerajaan telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2019 - Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna Di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan Dan Negeri berkuat kuasa pada 19 Mac 2019 seperti di Lampiran.



Intertek



100-100000-100000
 100-100000-100000
 100-100000-100000



100

3. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan/Agensi/Bahagian di bawah seliaan KWP hendaklah mengadakan kempen menghindari penggunaan plastik sekali guna di organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program kerajaan seperti berikut:

- i. menggantikan botol minuman plastik dengan botol kaca atau menyediakan jag air;
- ii. menggantikan pembalut plastik (*plastic wrap*) di piring/pinggan/mangkuk dengan penutup makanan yang boleh diguna semula;
- iii. tidak menyediakan pinggan/piring/mangkuk/cawan/kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik; dan
- iv. menyediakan *water dispenser* untuk kemudahan isian semula.

4. Kerjasama dan pelaksanaan secara bersama terhadap inisiatif ini amatlah dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK SERI HAJI SARIPUDDIN BIN HAJI KASIM)

s.k.: SUSK YBM

SUSK YBTM

SENARAI EDARAN (DALAMAN)

BIL.	NAMA PEGAWAI	GELARAN JAWATAN
1.	YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar	TKSU (PSE)
2.	YBhg. Dato' Siti Fatimah binti Daud	TKSU (PP)
3.	YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain	SUB (SE)
4.	Encik Lokman bin Jamaan	SUB (PS)
5.	Encik Nor Shah bin Mohamed	SUB (PD)
6.	Puan Norahiza binti Abdul Rahman	SUB (KP)
7.	Encik Muhammad Ammir bin Haron	SUB (PP)
8.	Encik Azman bin Mahmood	SUB (PPSA)
9.	Puan Hj. Wan Roshidah binti Wan Ismail	SUB (PM)
10.	Puan Fatimah binti Ibrahim	SUB (A)
11.	Puan Suzliyana Hanan binti Zanudin	SUB (KEW)
12.	Puan Mazurah binti Ismail	SUB (KK)
13.	Puan Zawiyah binti Saad	PUU
14.	Encik Noor Hishamuddin Shah bin Mohamad Shaflee	KUAD
15.	Puan Yashotha a/p Shanmugam	KIG

SENARAI EDARAN:

YBhg. Dato' Nor Hisham bin A Dahlan

Datuk Bandar Kuala Lumpur,
Tingkat 28, Menara DBKL 1,
Jalan Raja Laut,

50350 KUALA LUMPUR.

Tel : 03-2617 9055

Faks : 03-2692 8436

E-Mel: datukbandar@dbkl.gov.my

YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim

Presiden,
Pejabat Presiden Perbadanan Putrajaya
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana, Presint 3

62675 PUTRAJAYA

Tel : 03-8887 7098

Faks : 03-8887 5007

E-mel: presiden@ppj.gov.my

YBhg. Dato' Sri Haji Amir bin Haji Hussien

Pengerusi,
Pejabat Pengerusi Perbadanan Labuan
Perbadanan Labuan
Wisma Perbadanan Labuan
Peti Surat 81245

87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Tel : 087-408606

Faks : 087-428997

E-mel: dsa@pl.gov.my

YBhg. Dato' TPr. Hajah Rokibah Binti Abdul Latif

Ketua Pengarah,

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa),

Jalan Cenderasari,

50646 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2265 0777

Faks : 03-2265 0601

E-mel: rokibah@townplan.gov.my

Puan Hajah Rotina binti Mohd Dalk

Ketua Pengarah,

Pejabat Ketua Pengarah,

Jabatan Landskap Negara,

Tingkat 7, Plaza Permata (IGB),

Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak,

50400 KUALA LUMPUR.

Tel : 03-40470101

Faks : 03-40448058

E-mel: rotina@jln.gov.my

Tuan Haji Zulkurnain Bin Hassan

Ketua Pegawai Eksekutif,

PKB, Aras Bawah, 1 & 2, Lot 61, Rumah Rohas,

Jalan Raja Abdullah Kampong Bharu,

50300 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2692 6733

Faks : 03-2693 4733

E-mel: zulkurnain@pkb.gov.my

Encik Abdul Rahman bin Johor

Pengarah,

Pejabat Pengarah Tanah dan Gallan Wilayah Persekutuan,

Aras G-6, Rumah Persekutuan,

Jalan Sultan Hishamudin,

50678 KUALA LUMPUR.

Tel : 03-2610 3301

Faks : 03-2610 3499

E-mel: abdulrahman@ptgwp.gov.my

YBrs. Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri

Pengarah,

Pejabat Pengarah,

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan,

Aras 2, Blok 1,

Menara Seri Wilayah, Presint 2,

62100 PUTRAJAYA

Tel : 03 – 8892 6665

Faks : 03 – 8892 6616

E-mel: hasnulfalzal@wipers.gov.my



**JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000
Fax : 03-8888 3904
Web : <http://www.jpm.gov.my>
Emel : jpm@jpm.gov.my

Rujukan Kami: **MESTECC.600-9/1/5 (81)**

Tarikh: **19 Mac 2019**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2019

**PELAKSANAAN KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK
SEKALI GUNA DI KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN NEGERI**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Am Ini bertujuan untuk menyediakan panduan mengenai pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di kementerian, agensi kerajaan persekutuan dan negeri sebagai langkah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Kerajaan amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna yang memberi kesan kepada alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negara.

2.2. YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Julai 2018 telah memberi perhatian serius agar dilaksanakan larangan penggunaan produk-produk plastik sekali guna bermula dengan beg plastik dan straw plastik.

2.3. Sehubungan itu, Jemaah Menteri telah meluluskan *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018 – 2030* pada 10 Oktober 2018 dan menyarankan semua Kementerian perlu memainkan peranan antara lain, dengan mengadakan kempen-kempen seperti tiada lagi penggunaan produk-produk plastik *single-use* di pejabat-pejabat kerajaan.

2.4. *Roadmap* ini juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-132 pada 16 Oktober 2018 dan telah diterima baik oleh semua ahli mesyuarat.

2.5. Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 2018 bertarikh 27 November 2018 juga bersetuju supaya semua kementerian/agensi

memberikan kerjasama dalam pelaksanaan *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics* dan semua kementerian/agensi melaksanakan kempen dan program berkaitan *Zero Single-Use Plastics*.

3. TAFSIRAN

- 3.1. Kementerian, agensi kerajaan persekutuan dan negeri** bermaksud semua Kementerian, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.2. Plastik sekali guna** bermaksud bahan yang diperbuat daripada plastik yang digunakan hanya sekali dan kemudian dibuang.

4. PANDUAN MENGHINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA

4.1. Semua kementerian dan agensi kerajaan persekutuan dan negeri hendaklah mengadakan kempen menghindari penggunaan plastik sekali guna di organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program kerajaan seperti berikut:

- (a) menggantikan botol minuman plastik dengan botol kaca atau menyediakan jag air;
- (b) menggantikan pembalut plastik (*plastic wrap*) di piring/pinggan/mangkuk dengan penutup makanan yang boleh diguna semula;
- (c) tidak menyediakan pinggan/piring/mangkuk/cawan/kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik; dan
- (d) menyediakan *water dispenser* untuk kemudahan isian semula.

4.2. Selain itu, amalan-amalan berikut hendaklah juga digalakkan:

- (a) membawa bekas makanan, sudu, garpu dan penyedut minuman yang boleh diguna semula untuk kegunaan peribadi;
- (b) menggunakan beg *woven* atau beg khas yang boleh diguna semula semasa membeli makanan dan minuman di kafeteria;

- (c) menguar-uarkan amalan terbaik yang dilaksanakan di dalam semua platform komunikasi terutamanya media sosial bagi menjayakan lagi kempen ini;
- (d) menyediakan bahan promosi berbentuk Infografik, video dan lain-lain pendekatan yang dapat membantu pelaksanaan kempen ini; dan
- (e) memberikan penghargaan kepada organisasi dan warga kerja yang komited dalam mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Am ini dipanjangkan kepada semua kementerian, agensi kerajaan persekutuan dan negeri.

7. MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung pekellling ini, hubungi:

Bahagian Teknologi Strategik dan Aplikasi S&T

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim (MESTECC),

Aras 3, Blok C4, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62662 Putrajaya

No. Telefon : 03-8885 8839

No. Faksimili : 03-8885 5969

Laman web : www.mestecc.gov.my/web/plastik

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK SERI DR. ISMAIL HJ. BAKAR)

Ketua Setiausaha Negara

PELAKSANAAN KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA DI KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI



Suzihaida binti Samsuddin

 Reply all | 

Wed 19-Jun-19 8:50 AM

To: YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan; YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim; rithuan.ismail@pl.gov.my; Dato' TPr. Hajah Rokibah bt. Abdul Latif; Rotina Mohd Daik; ABDUL RAHMAN BIN JOHOR; Haji Zulkurnain bin Hassan; Dr Hasnul Faizal Bin Hushin Amri; Datuk Hajah Rosida binti Jaafar; YBhg. Dato' Siti Fatimah binti Daud; YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain; Lokman bin Jamaan; Nor Shah bin Mohamed; Norahiza Binti Abdul Rahman; Muhammad Ammir Bin Haron; Encik Azman bin Mahmood; Wan Roshidah binti Wan Ismail; Fatimah Binti Ibrahim; Suzliyana Hanan Binti Zanudin; Mazurah binti Ismail; Zawiyah binti Saad; Noor Hidayah Binti Mohd Ali; Yashotha Shanmugam

Cc: Lokman bin Jamaan; Zulkefli Bin Mohd Nani; Julnain Bin Abdul; YBrs.TPr Nor Hishammudin bin Ismail; Nur Nadiah Binti Zainol Abidin; Anora binti Abdul Rahman; nur.ain@pl.gov.my; Zuraidah Bt. Ab Rashid; Sakinah Binti Abdullah; PA KPJLN; Hawa Syusyuhaziqah Binti Abdul Jalil; Siti Zawiyah binti Abdul Aziz; Aznah Faseha binti Abdul Hamid; Zuraini binti Mamat; Anida binti Mohd Hashim; Zarina binti Md Darim; Nor Akmal binti Mat Sarim; Norsyika Diana binti Che Othman @ Osman; Hambali bin Mohd Shukor; Nor Zulaina binti Zulkipli; Azmi Bin Abd. Aziz; Mohd Iyadh bin Mokhtar 

Inbox

This message was sent with high importance.

Surat KSU_Pelaksanaan ...
3 MB



 Show all 1 attachments (3 MB) | [Download](#)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA DI KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini dipanjangkan surat daripada **YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan** (seperti di lampiran) yang jelas menerangkan maksudnya untuk perhatian dan makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan jua.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Suzihaida binti Samsuddin

Seksyen Pembangunan Bandar
Bahagian Pembangunan Strategik
Aras 6, Blok 2
Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 W.P. PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-88897906
E-mel : suzihaida@kwp.gov.my